

AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AKTIVITI PERBUALAN AWAL DALAM KALANGAN GURU TADIKA SWASTA

NURUL AIN ISMAIL

Universiti Selangor

ain_ismail@unisel.edu.my

NURUL JANNAH BINTI ABU SALIM

Universiti Selangor

Njannah605@gmail.com

SITI NURFATIMAH BINTI HARUN

Universiti Selangor

fatihahharun011005@gmail.com

Abstract

This study aims to identify the teaching and learning practices of early conversation activities among private kindergarten teachers. The research problem addresses the effectiveness and implementation of these practices, to assess both the execution and level of engagement in early conversation activities in the classroom. Employing a quantitative research design, the study involved 80 respondents who were private kindergarten teachers. Data was collected using a structured questionnaire distributed via Google Forms, which included demographic information, planning and preparation constructs, implementation and development constructs, and assessment items. The collected data was analyzed using SPSS statistics. Findings revealed that the overall mean scores for planning and preparation, implementation and development, and assessment constructs were 4.34 (S.D. = 0.41), 4.40 (S.D. = 0.44), and 4.36 (S.D. = 0.48) respectively, indicating a high interpretation score across all constructs. The implications of this study suggest the necessity for continuous training for teachers to effectively implement early conversation activities in the classroom.

Keywords: *Early Conversations Activity, Private Kindergarten Teachers, Teaching and Learning*

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta. Objektif kajian utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta serta mengenal pasti tahap pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta. Reka Bentuk kajian yang digunapakai adalah berbentuk kajian kuantitatif, iaitu dengan menggunakan Skala Likert serta melibatkan seramai 80 responden yang terdiri daripada guru tadika swasta. Instrumen kajian melalui kaedah soal selidik telah diedarkan kepada responden melalui aplikasi *Google*

Form bagi tujuan pengumpulan data dan mendapatkan maklumat kajian yang diperlukan. Data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan statistik SPSS versi 29.0 bagi mendapatkan maklum balas kajian yang dilaksanakan. Berdasarkan dapatan kajian, nilai min bagi konstruk perancangan dan persediaan ialah 4.34 (S.P = 0.41), sementara nilai min bagi konstruk pelaksanaan dan perkembangan ialah 4.40 (S.P = 0.44), dan konstruk penilaian mencatatkan nilai min 4.36 (S.P = 0.48). Analisis data menggunakan statistik deskriptif menunjukkan bahawa interpretasi skor bagi semua konstruk adalah berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian ini mencadangkan keperluan untuk menyediakan latihan berterusan kepada guru bagi meningkatkan kecekapan mereka dalam melaksanakan aktiviti perbualan awal secara berkesan di bilik darjah.

Kata Kunci: *Aktiviti Perbualan Awal, Guru Tadika Swasta, Pembelajaran dan Pengajaran*

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada tempoh pendidikan yang bermula sejak lahir hingga usia lapan tahun (Haziq, 2019). Menurut Persatuan Kebangsaan untuk Pendidikan Kanak-Kanak Awal (NAEYC), pendidikan awal kanak-kanak merangkumi semua program pendidikan yang ditujukan kepada kanak-kanak dari lahir hingga lapan tahun, memberikan mereka penjagaan, bimbingan, dan pendidikan yang diperlukan. Tadika merupakan peringkat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak, yang menumpukan pada pembangunan kanak-kanak sebelum mereka beralih kepada persekolahan formal. Fasa ini amat penting untuk perkembangan kognitif, emosi, sosial, dan fizikal mereka.

Dalam konteks Malaysia, tadika mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), yang menekankan pembangunan holistik. Kurikulum ini merangkumi pelbagai aspek, termasuk perkembangan intelek, emosi, moral, dan fizikal. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran di tadika sering berdasarkan permainan, memastikan kanak-kanak belajar secara semula jadi dan menyeronokkan. Pendidikan awal kanak-kanak juga bertujuan untuk mengembangkan kemahiran asas seperti kemahiran motor, penguasaan bahasa, dan kompetensi sosial. Selain itu, tadika berperanan penting dalam merangsang kreativiti dan memupuk minat belajar dalam kalangan kanak-kanak.

Di peringkat global, pendidikan awal kanak-kanak diiktiraf sebagai asas untuk pembelajaran sepanjang hayat. Ia membentuk asas perjalanan pendidikan seseorang kanak-kanak dan telah dikaitkan dengan pencapaian akademik yang lebih baik, peningkatan kemahiran sosial, serta ketahanan emosi yang lebih tinggi pada masa akan datang. Program pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti tinggi juga telah terbukti mampu mengurangkan jurang pencapaian antara kanak-kanak daripada latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza. Oleh itu, keberkesanan program-program ini, khususnya di tadika, adalah penting dalam memastikan akses yang saksama kepada peluang pembelajaran dan kejayaan pendidikan jangka panjang.

Aktiviti perbualan awal di tadika memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk kemahiran bahasa kanak-kanak. Aktiviti ini menyediakan peluang untuk kanak-kanak berlatih bercakap, mendengar, dan memahami bahasa dalam persekitaran yang menyokong. Aktiviti berasaskan perbualan seperti bercerita, perbincangan kumpulan, dan sesi soal jawab membantu kanak-kanak mengembangkan kosa kata, struktur ayat, dan kemahiran komunikasi mereka. Selain itu, aktiviti ini menggalakkan kanak-kanak untuk menyatakan pendapat mereka dan mendengar orang lain, yang penting untuk membangunkan kemahiran sosial.

Dalam pada itu, aktiviti perbualan awal yang berkesan memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teliti oleh guru. Guru mesti mencipta persekitaran yang menarik dan interaktif yang menggalakkan kanak-kanak untuk turut serta secara aktif dalam perbualan. Ini boleh dicapai dengan menggunakan bahasa yang sesuai mengikut umur, alat bantu visual, dan kaedah pengajaran interaktif. Selain itu, guru perlu memberi perhatian kepada keperluan perkembangan bahasa setiap kanak-kanak, memberikan sokongan tambahan kepada mereka yang mungkin menghadapi kesukaran sambil mencabar mereka yang lebih mahir.

Di Malaysia, guru tadika swasta diberi kelonggaran dalam melaksanakan aktiviti perbualan awal. Kelonggaran ini membolehkan guru menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif dalam pengajaran kemahiran bahasa, tetapi juga memerlukan guru untuk memiliki pemahaman yang mendalam tentang pedagogi pendidikan awal kanak-kanak dan strategi komunikasi yang berkesan. Pembangunan profesional yang berterusan untuk guru adalah penting bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti perbualan awal yang berkualiti tinggi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Aktiviti perbualan awal menekankan interaksi langsung antara guru dan kanak-kanak, yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, membina hubungan interpersonal, dan menyemai keyakinan diri dalam kalangan murid. Interaksi ini bukan sahaja membantu dalam perkembangan bahasa tetapi juga membentuk asas kepada kemahiran sosial yang penting dalam kehidupan mereka kelak.

Dalam konteks pendidikan, pengajaran didefinisikan sebagai proses penyampaian pengetahuan, kemahiran, dan nilai kepada murid menggunakan kaedah tertentu yang disesuaikan dengan tahap perkembangan dan keperluan mereka. Menurut Lev Vygotsky, interaksi sosial yang berstruktur melalui bimbingan guru memainkan peranan penting dalam membawa kanak-kanak melangkaui tahap perkembangan semasa mereka ke tahap yang lebih maju, seperti yang diterangkan dalam teori Zone of Proximal Development (ZPD).

Pembelajaran pula merujuk kepada perubahan tingkah laku yang berlaku hasil daripada pengalaman, sama ada melalui pemerhatian, eksplorasi, atau latihan, sama ada di dalam atau luar bilik darjah. Dalam konteks perbualan awal, pembelajaran melibatkan proses semula jadi di mana kanak-kanak berinteraksi dengan rakan sebaya dan guru untuk memahami bahasa, emosi, serta norma sosial melalui persekitaran yang selamat dan menyokong.

Setiap guru bertanggungjawab menerapkan kemahiran sosial dan emosi kepada kanak-kanak melalui rutin harian, termasuk aktiviti perbualan awal. Aktiviti ini bukan sahaja membantu meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk bertutur dan memahami tetapi juga mempersiapkan mereka dari aspek mental dan emosi. Di samping itu, aktiviti perbualan awal menggalakkan penglibatan aktif kanak-kanak dalam pembelajaran, menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan.

Kajian oleh Zeng et al. (2022) menunjukkan bahawa aktiviti perbualan awal mampu meningkatkan keyakinan diri, membina hubungan baik antara guru dan murid, serta memupuk kemahiran mendengar dan bercakap yang lebih berkesan. Implikasi ini menjadikan aktiviti perbualan awal sebagai salah satu komponen penting dalam pendekatan pedagogi holistik,

yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif tetapi juga kepada keseimbangan sosial dan emosi murid.


PERNYATAAN MASALAH

Menjadi guru tadika adalah satu profesion yang menuntut kesabaran, keikhlasan, dan dedikasi yang tinggi, khususnya dalam melaksanakan aktiviti perbualan awal yang memainkan peranan penting sebagai pembuka proses pembelajaran. Namun, cabaran utama yang dihadapi adalah kekangan masa, di mana guru sering tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk merancang aktiviti yang kreatif dan menarik. Dalam jadual harian yang padat, guru terpaksa berhadapan dengan tekanan masa yang boleh menjejaskan keberkesanan aktiviti perbualan awal dalam mencetuskan minat dan keterlibatan kanak-kanak.

Ketiadaan variasi dalam aktiviti perbualan awal juga menjadi cabaran yang menghalang perkembangan kognitif kanak-kanak. Aktiviti yang berulang dan monoton gagal merangsang daya fikir kreatif dan kritikal kanak-kanak. Bagi menangani isu ini, guru perlu memperkenalkan pendekatan yang pelbagai dan lebih interaktif. Walaupun berhadapan dengan kekurangan bahan bantu mengajar, kreativiti guru adalah kunci untuk mengubah sumber yang terhad menjadi alat yang menarik dan berkesan dalam memastikan aktiviti perbualan awal mampu mencapai matlamatnya.

Secara keseluruhannya, aktiviti perbualan awal adalah elemen asas yang penting dalam pembelajaran kanak-kanak di tadika, bukan sahaja untuk mengembangkan kemahiran bahasa, tetapi juga untuk membentuk keupayaan sosial dan emosi mereka. Walaupun terdapat pelbagai cabaran, usaha gigih melalui perancangan yang lebih strategik, kreativiti yang berterusan, dan sokongan yang memadai mampu memastikan aktiviti ini memberikan manfaat maksimum kepada perkembangan holistik kanak-kanak. Guru bukan sahaja perlu beradaptasi, tetapi juga terus berinovasi untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Teori & Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini merupakan gabungan kerangka teori kajian dan reka bentuk kajian untuk mendapatkan data secara menyeluruh tentang amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta. Sehubungan dengan itu, kajian amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta dapat difahami dengan mudah menerusi kerangka konseptual kajian seperti yang di ilustrasikan di dalam Rajah 1. Model CIPP banyak diadaptasi dalam kajian. Model CIPP memberikan format penyelidikan yang menyeluruh bagi setiap tahap kajian. Model ini banyak dipraktikan di dalam kajian ini adalah untuk menentukan sama ada kajian mengenai mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta mencapai atau tidak mencapai objektif.

SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, mengenal pasti dan mengetahui tahap pelaksanaan amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta menjadi tumpuan dalam kajian ini. Melalui kajian lepas, menurut Kamala Ratnam (2018) menunjukkan kajian yang bertajuk pengetahuan dan amalan aktiviti perbualan pagi oleh guru prasekolah pendidikan khas bermasalah pembelajaran (PPKBP) membincangkan mengenai mengenal pasti tahap pengetahuan guru serta amalan aktiviti perbualan pagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hasil dapatan yang diperolehi, adalah analisis statistik inferensi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru tentang perbualan pagi dan amalan aktiviti perbualan pagi. Namun, amalan perbualan pagi didapati pada tahap yang sederhana sahaja. Implikasi daripada kajian ini menyatakan bahawa guru perlu

diberikan latihan yang berterusan bagi membantu melaksanakan perbualan pagi di dalam bilik darjah dengan berkesan.

Seterusnya, kajian mengenai Peningkatan kemahiran bahasa dan komunikasi melalui pengaplikasian *Circle Time* bagi kanak – kanak tadika dijalankan. Menurut Ilham Roding dan Mazlina Che Mustafa (2022) Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji kemahiran komunikasi melalui aktiviti *circle time* yang diamalkan di sebuah TADIKA swasta di Negeri Selangor. Pendekatan kajian ini adalah kaedah kualitatif yang berbentuk kajian kes. Kaedah kajian yang dilaksanakan ialah melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Kajian mendapati aktiviti interaktif seperti bercerita, bersoal jawab dan aktiviti bermain adalah penting dalam meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak – kanak.

Selain itu, kajian oleh Yusuf Gökkaya dan Gökhan Duman daripada Turki yang bertajuk pendapat guru prasekolah mengenai kemahiran literasi awal semasa aktiviti *circle time* (2023). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan tahap pengetahuan guru prasekolah mengenai kemahiran literasi awal dan bagaimana guru menggunakan aktiviti *circle time* untuk membantu kemahiran Celik huruf awal. Hasil daripada kajian, didapati guru – guru mempunyai pengetahuan separa tentang literasi awal dan amalan kelas untuk Celik huruf awal dan didapati juga bahawa majoriti guru tidak menjalankan aktiviti untuk menyokong kemahiran Celik huruf awal semasa aktiviti *circle time*.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa aktiviti perbualan awal seharusnya dilaksanakan bagi membantu guru untuk meningkatkan kemahiran literasi awal kanak – kanak. Walaubagaimanapun, berdasarkan keseluruhan kajian lepas aktiviti perbualan awal masih berada di tahap sederhana dan ada juga segelintir guru tidak melaksanakan aktiviti perbualan awal tersebut. Oleh itu, pengkaji mencadangkan setiap guru perlu mengikuti latihan yang berterusan mengenai aktiviti perbualan awal supaya mereka tahu dan mahir untuk melaksanakan segala aktiviti perbualan awal pada setiap pagi.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik. Soal selidik diedarkan menggunakan aplikasi *google form* kepada guru – guru di tadika swasta daerah Rawang, Selangor bagi mendapatkan dapatan kajian. Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kajian literatur. Soal selidik ini merangkumi objektif pertama dan kedua serta konstruk iaitu konstruk perancangan dan persediaan, pelaksanaan dan perkembangan serta konstruk penilaian. Bilangan responden yang terlibat ialah seramai 80 orang guru. Dapatan yang dikumpul melalui *google form* disemak oleh penyelidik dan dianalisis dengan menggunakan “Statistical Package for Social Science” (SPSS) versi 29.0.

DAPATAN KAJIAN

ANALISIS RESPONDEN

Dapatan analisa soal selidik responden dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama, membincangkan maklumat tentang latar belakang responden dari kalangan guru berdasarkan jantina, umur, bangsa, kelulusan pendidikan dan pengalaman mengajar. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan

awal dalam kalangan guru tadika swasta (konstruk perancangan dan persediaan). Manakala, bahagian terakhir membincangkan tahap amalan malan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta dari (konstruk pelaksanaan dan perkembangan serta konstruk penilaian). Pembahagian ini bertujuan untuk menjadikan huraian analisis soal selidik responden lebih berfokus dan jelas.

Analisis Profil Responden

Taburan sampel kajian terdiri daripada 80 orang guru tadika swasta di kawasan sekitar Rawang, Selangor. Analisis latar belakang responden melibatkan demografi seperti jantina, umur, bangsa, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Rumusan demografi responden adalah seperti yang tertera pada jadual 1

Jadual 1 : Profil Responden Kajian

Demografi	Kategori Responden	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	36	45.0
	Perempuan	44	55.0
Umur	20 – 30 tahun	56	70.0
	31 – 40 tahun	17	21.3
	41 – 50 tahun	5	6.3
	51 tahun	2	2.5
Bangsa	Melayu	67	83.8
	Cina	4	5.0
	India	8	10.0
	Lain – lain	1	1.3
Kelulusan	SPM	8	10.0
	STPM	9	11.3
	DIPLOMA	35	43.83
	IJAZAH SARJANA MUDA	25	31.3
	SARJANA MUDA	2	2.5
	PHD	1	1.3
Pengalaman	1 – 5 tahun	55	68.8
	6 – 10 tahun	13	16.3
	11 – 15 tahun	7	8.8
	16 tahun	5	6.3

Responden terdiri daripada 80 orang guru tadika swasta. di mana Jadual 1 menunjukkan bahawa 55% responden adalah guru perempuan manakala 45% guru lelaki. Manakala dari segi umur, kebanyakan adalah berumur di antara 20 hingga 30 tahun sebanyak 70%. Seterusnya, guru yang berbangsa melayu adalah paling ramai iaitu sebanyak 83.8% dan guru berbangsa india sebanyak 10% kedua tertinggi. Daripada soalan kaji selidik ini kebanyakan guru mempunyai diploma dengan peratus sebanyak 43.83% . Akhir sekali bagi pengalaman mengajar, data menunjukkan rata – rata guru mempunyai pengalaman sebanyak 1 – 5 tahun sahaja sebanyak 68.8% . Seterusnya yang mempunyai pengalaman di antara 6 – 10 tahun sebanyak 16.3% . Rumusan daripada data demografi yang diperolehi mendapati guru perempuan lebih ramai dan kebanyakan guru yang muda.

ANALISIS DESKRIPTIF

Jadual 2 : Mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta (konstruk perancangan dan persediaan)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
S1	Guru merancang aktiviti sehari sebelum melaksanakan aktiviti perbualan awal	4.23	0.73	Tinggi
S2	Guru mencari bahan aktiviti yang relevan untuk melaksanakan aktiviti perbualan awal	4.43	0.48	Sangat Tinggi
S3	Guru beramah mesra dengan murid sebelum memulakan aktiviti perbualan awal	4.45	0.55	Sangat Tinggi
S4	Guru menyediakan suasana kelas yang kondusif	4.34	0.57	Tinggi
S5	Guru menyediakan sumber teknologi yang mencukupi sebelum memulakan aktiviti perbualan awal	4.26	0.67	Tinggi
S6	Guru menyusun masa untuk menjalankan aktiviti perbualan awal agar sesuai dengan jadual pembelajaran yang sedia ada	4.36	0.66	Tinggi
S7	Guru menggunakan Teknik “ice breaker” atau aktiviti pembukaan untuk memulakan aktiviti perbualan awal	4.30	0.74	Tinggi
Jumlah		4.33	0.41	Tinggi

Berdasarkan jadual 2, skor min yang paling tertinggi ialah “Guru beramah mesra dengan murid sebelum memulakan aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.45$, $SP = 0.55$). Ini kerana guru memahami kepentingan beramah mesra dengan murid dapat membina hubungan yang baik, membentuk kepercayaan dan meningkatkan keselesaan murid di dalam kelas. Seterusnya “Guru menyediakan suasana kelas yang kondusif” dengan nilai ($M = 4.34$, $SP = 0.57$) merupakan item yang tahapnya sederhana dalam senarai item tersebut. Akhir sekali, item yang paling rendah nilainya ialah “Guru merancang aktiviti sehari sebelum melaksanakan aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.23$, $SP = 0.73$). Ini kemungkinan guru mempunyai kekangan masa atau mempunyai tanggungjawab yang lain menyebabkan guru tidak boleh membuat persediaan awal.

Jadual 3 : Mengenal pasti tahap amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta (konstruk pelaksanaan dan perkembangan)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
S1	Guru menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan kanak – kanak	4.46	0.55	Sangat Tinggi

S2	Guru menggunakan gaya penyampaian yang sesuai	4.45	0.53	Sangat Tinggi
S3	Guru menyediakan bahan yang kreatif untuk menarik minat murid	4.48	0.62	Sangat Tinggi
S4	Guru menggalakkan murid memberi respon semasa melaksanakan aktiviti perbualan awal	4.49	0.62	Sangat Tinggi
S5	Guru melaksanakan aktiviti perbualan awal untuk memperkenalkan topik baharu	4.35	0.69	Tinggi
S6	Guru memberi peluang kepada murid untuk berbincang secara berkumpulan	4.24	0.82	Tinggi
S7	Guru menggunakan pelbagai strategi untuk mengekalkan minat murid dalam aktiviti perbualan awal	4.45	0.53	Sangat Tinggi
S8	Guru melaksanakan aktiviti perbualan awal untuk mengembangkan perbendaharaan kata murid	4.31	0.57	Tinggi
Jumlah		4.40	0.44	Tinggi

Seterusnya, berdasarkan dapatan daripada jadual 3, item yang menunjukkan nilai yang tinggi dalam konstruk pelaksanaan dan perkembangan ialah item “Guru menggalakkan murid memberi respon semasa melaksanakan aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.49$, $SP = 0.62$). Ini menunjukkan bahawa guru menggalakkan murid memberi respon semasa melaksanakan aktiviti perbualan awal. Amalan ini sangat penting kerana interaksi merupakan kunci dalam perkembangan bahasa kanak –kanak. Menggalakkan murid memberi respon membantu mereka belajar bertutur dan memahami makna perbualan dengan lebih baik. Seterusnya item yang sederhana dan mempunyai nilai yang sama dalam senarai item tersebut ialah “Guru menggunakan gaya penyampaian yang sesuai” dan “Guru menggunakan pelbagai strategi untuk mengekalkan minat murid dalam aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.45$, $SP = 0.53$). Akhir sekali, nilai yang paling rendah ialah “Guru memberi peluang kepada murid untuk berbincang secara berkumpulan” dengan nilai ($M = 4.24$, $SP = 0.82$).

Jadual 4 : Mengenal pasti tahap amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta (konstruk penilaian)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
S9	Guru bersoal jawab dengan murid untuk menilai kefahaman mereka	4.39	0.67	Tinggi
S10	Guru menilai murid dengan penglibatan murid secara aktif ketika pelaksanaan aktiviti perbualan awal	4.26	0.67	Tinggi
S11	Guru memantau dan menilai perkembangan murid secara berterusan semasa aktiviti perbualan awal	4.43	0.52	Sangat Tinggi

S12	Guru menilai keberkesanan aktiviti perbualan awal untuk penambahbaikan dalam pengajaran masa hadapan	4.34	0.55	Tinggi
S13	Guru melaksanakan aktiviti perbualan awal untuk menilai kemahiran bahasa, komunikasi dan sosial murid	4.41	0.57	Sangat Tinggi
Jumlah		4.36	0.49	Tinggi

Berdasarkan jadual 4, nilai yang paling tinggi ialah item “Guru memantau dan menilai perkembangan murid secara berterusan semasa aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.43$, $SP = 0.52$). Seterusnya, nilai yang sederhana dalam senarai item pada konstruk penilaian ini ialah item “Guru bersoal jawab dengan murid untuk menilai kefahaman mereka” dengan nilai ($M = 4.39$, $SP = 0.67$). Akhir sekali, menunjukkan nilai yang paling rendah ialah item “Guru menilai murid dengan penglibatan murid secara aktif ketika pelaksanaan aktiviti perbualan awal” dengan nilai ($M = 4.26$, $SP = 0.67$). Penilaian berterusan adalah penting untuk memahami perkembangan murid dari semasa ke semasa. Ia membantu guru mengenal pasti kemajuan dan kekurangan setiap murid secara konsisten.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal dalam kalangan guru tadika swasta (konstruk perancangan dan persediaan) menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kebanyakan guru melaksanakan aktiviti perbualan awal dengan baik dan sempurna. Namun terdapat kekangan yang menyebabkan guru tidak dapat menyediakan bahan bantu mengajar lebih awal, mungkin kerana faktor masa atau beban kerja yang tinggi. Bagaimanapun, perancangan adalah elemen penting dalam pengajaran yang berkesan. Menurut kajian oleh Muhammad Amirul et al., (2021), perancangan yang baik dapat membantu guru menguruskan masa dengan lebih efektif dan memastikan semua aspek pengajaran dilaksanakan dengan baik. Untuk meningkatkan amalan ini, latihan dan sokongan dari pihak pentadbiran dapat membantu guru dalam merancang aktiviti dengan lebih sistematik dan teratur.

Amalan seperti beramah mesra dengan murid atau menggunakan teknik ‘*ice breaker*’ adalah elemen penting yang perlu dilaksanakan sebelum memulakan aktiviti perbualan awal. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mencipta suasana pembelajaran yang santai, tetapi juga membina hubungan positif antara guru dan murid. Menurut teori Piaget, perkembangan kognitif kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh interaksi sosial dan persekitaran mereka. Apabila guru meluangkan masa untuk beramah mesra, ia memberikan rasa selamat dan keselesaan kepada kanak-kanak, sekali gus mendorong mereka untuk berkomunikasi dan belajar dengan lebih yakin.

Kajian oleh Jing Chen et al. (2020) turut menunjukkan bahawa hubungan yang kukuh antara guru dan murid mampu meningkatkan motivasi serta keterlibatan murid dalam pembelajaran. Hubungan yang mesra ini bukan sekadar elemen tambahan, tetapi menjadi asas kepada pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Namun, walaupun guru sering berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kekurangan masa atau bahan bantu mengajar, mereka perlu mencari jalan penyelesaian yang kreatif untuk mengatasi cabaran ini. Tanpa persediaan yang baik dan bahan yang relevan,

perkembangan kanak-kanak boleh terjejas. Oleh itu, usaha untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang menarik dan bermakna harus sentiasa menjadi keutamaan, meskipun dalam keadaan yang terhad. Guru yang proaktif dan inovatif mampu mencipta perubahan besar dalam perjalanan pembelajaran kanak-kanak.

Seterusnya, bagi tahap amalan pengajaran dan pembelajaran iaitu konstruk pelaksanaan dan perkembangan juga menunjukkan pada tahap yang tinggi. Apabila melaksanakan sesuatu aktiviti guru perlu meminta respon daripada kanak – kanak kerana menurut kajian oleh Nosidah et al., (2022), galakan untuk memberi respon semasa aktiviti perbualan dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi murid dengan lebih efektif. Ini juga selari dengan prinsip Vygotsky yang menekankan kepentingan interaksi aktif dalam perkembangan kognitif kanak – kanak.

Ketika guru menyampaikan sesuatu pengajaran, laras bahasa haruslah betul supaya kanak – kanak dapat memahami apa yang ingin disampaikan. Menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak – kanak, dapat membantu dalam pemahaman dan pembelajaran yang lebih baik. Dalam pelaksanaan dan perkembangan untuk menyampaikan pengajaran, guru perlu menggunakan bahan – bahan yang kreatif kerana menurut Smith & Johnson (2021), beliau menyatakan bahawa penggunaan bahan yang kreatif dapat meningkatkan minat murid serta memudahkan pemahaman mereka terhadap konsep baru. Ini penting untuk memastikan murid terlibat dalam proses pembelajaran dan merasa termotivasi untuk belajar.

Berdasarkan dapatan kajian bagi konstruk pelaksanaan dan perkembangan, item guru memberi peluang kepada murid untuk berbincang secara berkumpulan merupakan nilai yang paling rendah. Kemungkinan adanya cabaran dalam melaksanakan perbincangan berkumpulan. Menurut Lee et al. (2022), perbincangan berkumpulan memerlukan pengurusan yang baik dan persediaan yang teliti untuk memastikan setiap murid terlibat secara efektif. Tidak dinafikan guru mempunyai masa yang terhad kerana peruntukkan masa untuk melaksanakan aktiviti perbualan awal ialah 20 minit sahaja, namun guru perlu memberi peluang kepada murid untuk berbincang dalam kumpulan kerana kanak – kanak akan dapat banyak manfaat dan dapat meningkatkan perkembangan bahasa mereka. Strategi pengurusan yang lebih baik akan dapat membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan amalan ini.

Dalam pada itu, menerusi dapatan konstruk penilaian, guru disarankan untuk menjalankan penilaian perkembangan kanak-kanak secara berterusan. Pendekatan ini sejajar dengan konsep penilaian berasaskan proses yang disarankan oleh teori Vygotsky mengenai Zone of Proximal Development (ZPD). Menurut Vygotsky, penilaian berterusan membantu mengenal pasti tahap perkembangan semasa murid serta menyediakan intervensi yang sesuai untuk membawa mereka ke tahap perkembangan yang lebih tinggi (Chaiklin, 2012).

Menurut kajian Mullaimalar Murgaiyah dan Kamariah Abu Bakar, (2024) pemantauan prestasi kanak-kanak secara berterusan bukan sahaja penting untuk memastikan mereka berkembang dengan baik, tetapi juga untuk memastikan perkembangan tersebut sejajar dengan tahap yang sepatutnya. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan penilaian berkala yang konsisten. Penilaian ini bukan sekadar proses rutin, tetapi peluang untuk memahami keperluan unik setiap kanak-kanak, seterusnya menyesuaikan pendekatan pembelajaran bagi membantu mereka mencapai potensi terbaik. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan perkembangan yang holistik, malah memupuk pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

Penilaian yang menyeluruh memainkan peranan penting dalam memastikan perkembangan holistik murid, sejajar dengan pendekatan pendidikan yang menekankan keseimbangan perkembangan dalam semua aspek iaitu kognitif, emosi, sosial, dan fizikal (Bronfenbrenner, 1979). Malah, di dalam Akta Pendidikan 1996 juga turut menegaskan keperluan untuk melaksanakan penilaian perkembangan secara berterusan. Peraturan Pendidikan (Prasekolah) 1997, Seksyen 5(1), memperkukuhkan keperluan ini dengan menetapkan bahawa setiap tadika wajib menjalankan penilaian sistematik terhadap perkembangan murid dalam domain kognitif, afektif, dan psikomotor. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan murid berkembang secara seimbang, bahkan juga membantu guru merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan individu setiap murid.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa amalan pengajaran dan pembelajaran aktiviti perbualan awal di tadika swasta di Rawang berada pada tahap yang tinggi, di mana ia mencerminkan kecekapan guru dalam melaksanakan aktiviti yang menyokong perkembangan bahasa dan sosial kanak-kanak dalam pelaksanaan rutin harian sebelum memulakan pengajaran di dalam bilik darjah. Namun, cabaran seperti kekurangan kerjasama kanak-kanak, keterbatasan idea, dan kesukaran mengawal kelas menonjolkan keperluan latihan berterusan bagi guru untuk memperbaiki kemahiran dan strategi mereka. Peranan guru sebagai fasilitator utama amat penting dalam memastikan aktiviti ini berkesan, dengan mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Kajian lanjutan secara kualitatif disarankan untuk memahami cabaran guru dengan lebih mendalam dan menyediakan penyelesaian yang lebih praktikal dan inovatif bagi meningkatkan keberkesanan amalan ini.

RUJUKAN

- Chaiklin, S. (2012). *The zone of proximal development in Vygotsky's analysis of learning and instruction*. Cambridge University Press.
<https://doi.org/10.1017/CBO9780511840975.004>
- Chen, J., Jiang, H., Justice, L. M., Lin, T.-J., Purtell, K. M., & Ansari, A. (2020). Influences of teacher–child relationships and classroom social management on child-perceived peer social experiences during early school years. *Frontiers in Psychology* 11, 586991.
<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.586991>.
- Gill, S., Smith, J., & Johnson, R. (2020). The role of interactive dialogue in early language 67 development. *Educational Review*, 72(3), 315-328
- Gökkaya, Y., & Duman, G. (2023). Pendapat guru prasekolah mengenai kemahiran literasi awal semasa aktiviti “Circle Time”. *Manisa Celal Bayar University Journal of the Faculty of Education*, 11(2), 199-219.
- Ilham Roding & Mazlina Che Mustafa (2022). Improving communication skill using circle time for preschool children. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(2), 29–40. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol12.2.3.2022>
- Kamala Ratnam, Aliza Alias & Hasnah Toran (2018). Pengetahuan dan amalan aktiviti perbualan pagi oleh guru Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PPKBP). *Jurnal Pendidikan Malaysia* SI 1(1), 59-66.
<http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.03-07>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Mullaimalar Murgaiyah, Kamariah Abu Bakar. (2024). Kesediaan guru Prasekolah dalam pelaksanaan pentaksiran berterusan. *_Jurnal dalam Pendidikan_* 6 (2) 87-99. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.2.8>.
- Muhammad Haziq. (2019). Amalan bersesuaian perkembangan sebagai kompetensi profesional guru dalam pendidikan prasekolah. *Journal of Education Research and Indigeneous Studies* 2(1).
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Journal Al-Turath; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 6 (1). 43-55. <https://journalarticle.ukm.my/17374/1/144-286-2-PB.pdf>
- NAEYC (2005). *Early childhood program standard and accreditation criteria: The mark of Quality in early childhood education*. National Association for the Educational of Young Children.
- Warju. (2016). Educational program evaluation using CIPP model. *Innovation of Vocational Technology Education (Invotec)*, 12(1), 36-42. <https://doi.org/10.17509/invotec.v12i1.4502>